

31 Julai, 1981

Musa: Jangan — salah ertikan sikap Kerajaan

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata sikap dan strategi Kerajaan untuk menghancurkan leburkan komunis dan anasir anti nasional merupakan strategi yang paling diutamakan.

Semasa mengumumkan pembebasan 21 orang tahanan politik, Datuk Musa menekankan bahawa tindakan Kerajaan melepaskan mereka bukanlah bermakna Kerajaan baru yang ada sekarang adalah satu Kerajaan yang lemah atau lembik.

"Kerajaan melalui agensi-agensis yang tertentu, sentiasa berwaspada dan bersikap sedia mengesan dan menangkap sesiapa juga yang menjalankan kegiatan-kegiatan komunis, pro komunis, subversif dan anasir anti nasional serta kumpulan haram yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

"Kerajaan tidak ragu-ragu menangkap semula mereka yang dilepaskan jika sekiranya mereka didapati terjunam ke dalam jurang aktiviti-aktiviti yang serupa.

Pentadbiran baru di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendokong dasar luar yang berkecuali, tetapi mengaguti dasar anti komunis dan anasir-anasir porak-peranda," ujar Datuk Musa lagi.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia